

**NO SOALAN :271**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dan menyenaraikan jadual dan anggaran nilai setiap pembayaran hutang dan faedah 1MDB dan anak-anak syarikatnya untuk tahun 2015 sehingga 2020.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah liabiliti 1MDB mengikut penyata kewangan 1MDB yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 adalah sebanyak RM42 bilion.

Perincian liabiliti bagi tahun 2015 - 2020 adalah perincian yang masih

belum diaudit dan adalah menjadi amalan syarikat untuk mengemukakan perincian yang telah diaudit sahaja kepada umum agar maklumat yang diberi adalah tepat, terperinci dan disahkan oleh juruaudit.